

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan
Aras 31, Menara Bank Islam
No. 22JalanPerak
50450 Kuala Lumpur
Telefon 03 2088 8000
Faks 03 27812998
www.bankislam.com

KENYATAAN MEDIA BANK ISLAM: WABAK COVID-19

KUALA LUMPUR, Ahad, 22 Mac 2020: Bank Islam ingin mengesahkan bahawa salah seorang warga kerjanya di Menara Bank Islam telah diuji positif untuk COVID-19 dan kini sedang menjalani rawatan di sebuah hospital kerajaan.

Beliau dan keluarga terdekatnya berada di bawah kuarantin di rumah sejak 19 Mac 2020, mengikut garis panduan keselamatan dan kesihatan Bank Islam untuk COVID-19.

Sebagai langkah berjaga-jaga, Bank Islam telah menjalankan pensterilan dan pembasmian kuman menyeluruh di Menara Bank Islam hari ini, termasuk ruang-ruang kemudahan umum. Bank juga sedang giat mengesan individu-individu yang berhubung secara langsung dengan warga kerja terbabit untuk dikenal pasti dan memaklumkan bahawa mereka perlu menjalani pemeriksaan kesihatan serta kuarantin di rumah.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam ingin memberi jaminan kepada para pelanggannya dan orang ramai bahawa tiada gangguan perkhidmatan di Menara Bank Islam. Bank Islam mempunyai pelan kesinambungan perniagaan yang baik untuk memastikan operasinya tidak terjejas oleh keadaan ini. Pihak Bank telah mengambil langkah-langkah sewajarnya serta meningkatkan lagi kesedaran dengan lebih kerap sejak penularan wabak ini. Saya ingin menekankan kepada semua pelanggan bahawa kesemua premis kami adalah bersih dan selamat setelah kerja-kerja sanitasi dilaksanakan."

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900900.

ntuk maklumat lanjut, sila hubungi:

<p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-27821232 Mobile: 019-3394491 Faks: 03-27812998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com</p>	<p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden PerhubunganAwam, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-27812943 Mobile: 019-3919144 Faks: 03-27812998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p>
---	---